

Pinjaman rumah bergantung kewangan individu, bukan PTPTN

Oleh **NUR IZATUL AZWA RAMLI**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Penstrukturan semula pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak memberi kesan langsung kepada pasaran kediaman kerana kelulusan pinjaman rumah bergantung kepada kemampuan kewangan individu, bukannya semata-mata rekod pinjaman pendidikan.

Pensyarah ekonomi Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Datuk Dr. Razli Che Razak berkata, kadar kelulusan pinjaman perumahan bergantung kepada kewangan individu seperti gaji dan komitmen hutang.

“Bank biasanya gunakan Nisbah Khidmat Hutang (DSR) sekitar 60 hingga 70 peratus, manakala pembiayaan melalui Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) tertakluk kepada syarat tertentu termasuk kadar faedah tetap.

“DSR ini dikira berdasarkan jumlah komitmen hutang bulanan dengan pendapatan bersih. Untuk meningkatkan peluang lulus kelayakan, mereka (peminjam) perlu kurangkan hutang



Kadar kelulusan pinjaman perumahan bergantung kepada kewangan individu seperti gaji dan komitmen hutang.”

RAZLI CHE RAZAK

sedia ada seperti kad kredit atau hutang persendirian,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, media melaporkan bahawa penstrukturan semula pinjaman PTPTN tidak menjejaskan kelayakan peminjam untuk memohon pinjaman perumahan pada masa hadapan seperti dawaan sesetengah pihak.

Menurut Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir, kerajaan mengamalkan pendekatan berteraskan kon-

sep keihsanan dalam pengurusan bayaran balik pinjaman PTPTN kerana tidak mahu rakyat merasakan tuntutan itu sebagai satu tekanan besar terhadap mereka.

Razli berkata, langkah penstrukturan PTPTN tidak harus dilihat sebagai faktor yang menjejaskan kelayakan permohonan pinjaman perumahan, sebaliknya membantu mengurus komitmen kewangan peminjam secara lebih berhemah.

Katarnya, pendekatan berteraskan konsep keihsanan diamalkan kerajaan adalah langkah praktikal bagi memastikan graduan tidak terbeban khususnya pada peringkat awal kerjaya.

“Bayaran balik pinjaman PTPTN dibuat secara bulanan dan mengikut kemampuan gaji graduan. Pada pandangan saya, pendekatan ini sudah terbaik kerana ia tidak memberi tekanan kewangan yang berlebihan kepada peminjam,” katanya.

Katanya, kepentingan bayaran balik PTPTN perlu diteruskan para peminjam kerana dana tersebut digunakan semula bagi membantu pelajar baharu melanjutkan pengajian di universiti atau kolej.